

30 JUL 2001

Mahathir-pelajar

PERJANJIAN KEMASUKAN UNIVERSITI TAK SEPATUT JADI MASALAH, KATA PM

KOTA KINABALU, 30 Julai (Bernama) -- Cadangan supaya pelajar menandatangani satu perjanjian sebelum mereka memasuki universiti tidak harus dilihat sebagai penghalang bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata ia akan hanya menjadi masalah jika seseorang itu tidak berminat dari awal lagi untuk belajar.

"Jika mereka berminat untuk belajar, maka menandatangani perjanjian itu tidak menjadi masalah. Jika mereka masuk universiti bukan untuk belajar, mereka tidak akan tandatangan, (dan) lebih baik jangan datang...tak payah tandatangan," katanya pada sidang berita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur di akhir lawatan seharusnya ke sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas sama ada terdapat kebimbangan di kalangan berhubung cadangan itu, yang beliau umumkan pada 18 Julai lepas untuk memastikan hanya pelajar yang benar-benar serius, akan melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

"Pelajar tidak bimbang (mengenai cadangan itu). Saya menemui ramai pelajar dan satu-satunya sungutan mereka ialah mereka tidak dapat belajar kerana ada orang yang datang untuk memaksa mereka menghadiri kuliah yang tidak ada kaitan dengan pelajaran mereka," katanya.

Dr Mahathir terdapat juga pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran mereka.

"Mereka tidak belajar, mereka mengganggu golongan yang hendak belajar dan saya fikir mereka ini tidak harus dibiarkan melanggar undang-undang dan peraturan...(mereka berpendapat) jika kita mengambil tindakan terhadap mereka, orang asing akan mengutuk kita," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan lebih rela dikutuk daripada membiarkan rakyatnya dirosakkan atau tidak bersedia untuk menguruskan negara ini selepas ketiadaan pemimpin-pemimpin sekarang.

Beliau juga ditanya mengenai rasional di sebalik pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti yang bertujuan antara lainnya untuk mengetatkan peraturan melibatkan mahasiswa.

"Dalam universiti kerajaan, pelajar hanya keluarkan belanja yang sedikit, hanya satu per sepuluh daripada apa yang kita (kerajaan) belanjakan untuk mereka. Jadi mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab sebab itu bukan wang mereka.

"Tetapi jika mereka pergi ke universiti swasta, mereka perlu mengeluarkan belanja antara RM60,000 dan RM70,000, dan jika mereka membuang masa, ibu bapa mereka akan menghentikan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata pelajar tidak seharusnya membiarkan diri mereka dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan tertentu yang mahu mereka membenci kerajaan.

Ketika ditanya sama ada kumpulan itu termasuk rakyat asing, beliau berkata bahawa terdapat penglibatan rakyat asing dan parti politik di negara ini.

"Badan-badan bukan kerajaan dari luar negara sentiasa memberitahu pelajar bahawa mereka perlu ada kuasa pelajar, hak pelajar...kuasa pelajar macam mana? hak pelajar macam mana? Pelajar mempunyai hak untuk belajar," katanya.

-- BERNAMA

JS MAI

